

# Kuiz Pelaburan PNB 2021



## Kuasa faedah kompaun gandakan pelaburan

**Kuasa faedah kompaun** adalah satu istilah penting yang perlu difahami dalam menguruskan kewangan.

Mungkin pada masa ini, istilah ini tidak penting kerana anda masih belajar, namun apabila sudah memegang wang sendiri kelak, kuasa faedah kompaun akan menjadi kunci sama ada anda memiliki kedudukan kewangan positif atau negatif.


Sepertimana petikan kata saintis terkenal, Albert Einstein, kuasa faedah kompaun memberi manfaat kepada mereka yang memahaminya, namun bagi mereka yang tidak mengerti, ia mungkin menjadi punca kepada bencana.

Secara ringkasnya, kuasa faedah kompaun ialah konsep yang mana dividen atau caj faedah memambah kepada modal pelaburan.

Dari tahun ke tahun apabila dividen tidak dikeluarkan, modal pelaburan akan terus bertambah dengan sendirinya.

Kuasa faedah kompaun memberi kesan positif kepada pelaburan kerana ia membolehkan wang berganda dalam tempoh tertentu selagi modal dan dividen tidak dikeluarkan.

Sebagai contoh, Ali merancang sebanyak RM1,000 selama lima tahun dan sepanjang tempoh itu dia tidak mahu mengeluarkan wang berkenaan dan dividen yang



diterima. Dengan andaian purata pulangan tahunan sebanyak empat peratus setahun, wang berkenaan berpotensi bertambah kepada RM1,221, yang mana RM221 adalah dividen terkumpul yang diterima setiap tahun.

Jadi, kita perlu melabur untuk menikmati faedah daripada kuasa faedah kompaun ini dan sebaiknya mula melabur seawal mungkin atau dari gaji pertama kerana tempoh masa yang panjang memberi peluang kepada modal untuk

berkembang lebih besar.

Kesan sebaliknya, berlaku apabila konsep kuasa faedah kompaun mula digunapakai dalam hutang atau pinjaman. Ini kerana, caj faedah yang tidak dilunaskan juga akan menambatkan jumlah hutang.

Sekiranya ansuran bulanan tidak dilunaskan dalam tempoh yang panjang, jumlah hutang akan bertambah jauh lebih besar berbanding pinjaman asal.

Sebagai contoh, syarat

### Ringkasan pelaburan Ali (andaian purata pulangan terkumpul ialah 4 peratus):

Tahun	Modal Pelaburan	Dividen Tahunan / Terkumpul	Modal Pelaburan Terkumpul
1	RM1,000	RM40	RM1,140
2	RM1,140	RM83	RM1,083
3	RM1,083	RM127	RM1,127
4	RM1,127	RM173	RM1,173
5	RM1,173	RM221	RM1,221

penggunaan kad kredit yang amat mudah menyebabkan ramai berhutang di luar kemampuan.

Oleh kerana pengguna kad dibenarkan membayar jumlah minimum sahaja untuk kad terus aktif, ramai memilih membayar jumlah berkenaan sahaja tanpa menyedari hutang belum dibayar itu terus bertambah.

Justeru, pastikan anda membayar jumlah penuh pembelian apabila menggunakan kad kredit pada masa depan dan jangan

sesekali membayar jumlah minimum sahaja.


Ini kerana hutang yang ditangguhkan bayarannya akan bertambah dari bulan ke bulan kerana caj faedah terkumpul.

Apabila sudah bekerja kelak, aplikasikan pengetahuan mengenai kuasa faedah kompaun dalam mengurus gaji bulanan.

Utamakan pelaburan supaya kuasa faedah kompaun boleh menjana pendapatan pasif dan membina kewangan kukuh untuk anda.

# KUIZ PELABURAN PNB 2021

#capaikemerdekaankeuangan



## Online KATEGORI REMAJA (13 - 17 Tahun)

### SOALAN-SOALAN

- MELINTANG**
- ..... secara mudahnya ialah menyimpan wang untuk tujuan keselamatan dan ia boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.
  - Dividen ialah ..... daripada pelaburan yang akan menambah kepada modal asal yang dilaburkan. Katakan Ali melabur RM100 dan selepas setahun, dia menerima dividen sebanyak 5 peratus, menjadikan wang Ali bertambah kepada RM105.
- MENEGAK**
- ..... akan menyebabkan nilai wang yang disimpan dan tidak dilaburkan semakin mengecil selepas satu tempoh tertentu
  - Elaun atau duit belanja boleh dimasukkan ke dalam ..... sebelum dilaburkan untuk mendapat pulangan/dividen.
  - Kuasa faedah ..... akan mengembangkan wang yang dilaburkan jika wang berkenaan dan dividen yang diterima tidak dikeluarkan untuk satu tempoh yang panjang.
  - ASB ialah unit amanah harga ..... Ini menjadikannya produk pelaburan berisiko rendah yang sesuai untuk pelaburan jangka panjang dan membina tabung pendidikan, kecemasan, perkahwinan dan persaraan.

Hadiah untuk dimenangi Pertama

3x RM1,000

5x RM700 7x RM500

20x RM250 30x RM200

Saguhati : 50 x RM100

### KAEDAH PENYERTAAN

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun - 17 tahun.
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my). Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line)
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan penganjur. Keputusan pemenang adalah muktamad.
- Terma dan syarat lanjut peraduan di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

Tarikh tutup penyertaan : 22 Ogos 2021



[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)  
Imbas untuk jawab dan penyertaan